

Headline **Petra Energy umum tiga pengarah baharu**
Date **14 Jul 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **105 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,368**
PRValue **4,105**



Petra Energy umum tiga pengarah baharu

KUALA LUMPUR 13 Julai – Penyedia perkhidmatan medan minyak pasca gerudi bersepadu, Petra Energy Bhd., hari ini mengumumkan pelantikan Abdul Rahim Hamid dan Ahmad Azra Salleh sebagai Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif berkuat kuasa hari ini.

Surya Hidayat Abdul Malik, yang merupakan Pengarah Eksekutif Petra Perdana Bhd. (PPB), akan berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, kata syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Petra Energy, Kamarul Baharin Albakri berkata, syarikat memerlukan anggota lembaga pengarah yang berpengalaman dan berkhidmat untuk memperkukuh amalan tadbir urus.

“Malah, memandangkan lembaga pengarah sedang disusun semula, kami juga memulakan proses yang sama di peringkat operasi kumpulan. Proses itu yang dijangka selesai dalam tempoh enam bulan,

dijalankan khusus untuk meningkatkan lagi kemampuan teras kumpulan ini dalam industri hulu minyak dan gas,” katanya.

Abdul Rahim seorang akauntan berkanun, kini berkhidmat sebagai Presiden Institut Akauntan Malaysia, dan baru-baru ini memegang jawatan Presiden Persekutuan Akauntan ASEAN.

Beliau juga mewakili Kementerian Kewangan Diperbadankan sebagai anggota pengarah MIMOS dan juga Pengarah Bebas Chemical Company of Malaysia Bhd dan MIDF Amanah Asset Management Bhd.

Ahmad Azra, yang berkhidmat sebagai rakan kongsi firma undang-undang Messrs Azra Salleh & Co, merupakan anggota Kehormat Society of Lincoln’s Inn, United Kingdom, dan fellow Chartered Institute of Arbitrators, London.